**JPA(S)(BPO)324/9/44 Klt.6( 27 )** **Siri No.**

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2006**

---

**PERUBAHAN PENGHURAIAN TUGAS**
**PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM**

## TUJUAN

1. Surat pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan penghuraian tugas perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24.

## LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana dimaklumi, perubahan skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2005 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005. Berikutan perubahan tersebut, penghuraian tugas yang disertakan di Lampiran C pekeliling berkenaan didapati tidak mencerminkan skop fungsi bidang tugas Pembantu Kesihatan Awam yang sebenar. Sehubungan itu, penghuraian tugas yang ada telah dimantap dan dikemaskini sejajar dengan keperluan sebenar perkhidmatan.

**PELAKSANAAN**

3. Sejajar dengan pemantapan dan pengemaskinian penghuraian tugas tersebut, maka penghuraian tugas baru Pembantu Kesihatan Awam adalah seperti di **Lampiran A**. Ia menggantikan penghuraian tugas di Lampiran C Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005. Semua ketua jabatan/ ketua perkhidmatan dikehendaki mengikut penghuraian tugas ini.

**TARIKH KUAT KUASA**

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006.

**PEMAKAIAN**

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( DATO' SRI ISMAIL ADAM )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA
26 Mei 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**Lampiran A**

## Penghuraian Perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam (PKA)

**1. Skim Perkhidmatan**

Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22 dan U24.

**2. Peringkat Organisasi**

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan

**3. Ringkasan Tugas**

Melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan di dalam program kebersihan alam sekelililng, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan tugasnya dengan menggunakan kaedah/ pendekatan kesihatan primer (*Control and Prevention - Primary Health Care Approach)*

**4. Skop Fungsi dan Bidang Tugas**

4.1 **Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)**

4.1.1 Penyeliaan ke atas pembinaan sistem pelupusan air limbah;

4.1.2 Penyeliaan ke atas pembinaan sistem pelupusan sisa pepejal;

4.1.3 Pengawasan mutu air minum luar bandar;

4.1.4 Terlibat dalam aktiviti pengawasan dan perlindungan kesihatan alam sekitar; dan

4.1.5 Bertanggungjawab menyimpan dan mengemaskini rekod-rekod, stok bahan-bahan dan peralatan.

4.2 **Kawalan Penyakit Berjangkit**

4.2.1 Membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam pengawalan penyakit berjangkit serta melaporkan apa-apa kejadian luar biasa penyakit;

4.2.2 Membantu dalam pengawalan wabak penyakit berjangkit yang melibatkan aktiviti seperti seperti disinfeksi dan lain-lain; dan

4.2.3 Mengesan penyakit berjangkit secara aktif.

4.3 **Kawalan Penyakit Bawaan Vektor**

4.3.1 Bertanggungjawab kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975;

4.3.2 Membantu dalam kerja-kerja pencegahan dan pengawalan penyakit bawaan vektor;

4.3.3 Mengesan penyakit bawaan vektor secara aktif;

4.3.4 Menjalankan tinjau alam dalam kawasan gerak kerja;

4.3.5 Melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan;

4.3.6 Menyediakan laporan-laporan aktiviti harian, minggu, bulanan dan tahunan; dan

4.3.7 Bertanggungjwab menyimpan dan mengemaskini rekod-rekod stok bahan-bahan dan peralatan.

4.4 **Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)**

4.4.1 Mengambil sampel-sampel bekalan air dari punca-punca sistem bekalan air luar bandar Kementerian kesihatan dan ladang-ladang; dan

4.4.2 Persampelan air dari bekalan air awam (JBA-JKR) bagi mengukur keasidan dan kealkalian.

4.5 **Keselamatan dan Kualiti Makanan**

4.5.1 Membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran menjalankan aktiviti pensampelan makanan;

4.5.2 Menyediakan dan mengemaskini Daftar Premis Makanan (*Food Premise Register*) dan Pengendali Makanan (*Food Handlers*) di kawasan gerak kerja;

4.5.3 Membantu menjalankan penyiasatan kes keracunan makanan; dan

4.5.4 Menghantar kompaun atau saman.

4.6 **Perundangan dan Penguatkuasaan**

4.6.1 Bertanggungjawab kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam semua aspek kerja berkaitan dengan Unit Siasatan dan Pendakwaan;

4.6.2 Membantu dalam menyimpan barang-barang *exhibit*;

4.6.3 Membantu dalam menjalankan aktiviti pemeriksaan, penutupan dan operasi penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam;

4.6.4 Menghantar dan menyempurnakan notis dan saman; dan

4.6.5 Membantu dalam penyediaan laporan secara berkala.

4.7 **Kesihatan Am**

4.7.1 Mengadakan pemeriksaan susulan ke atas ladang/ lombong/ sekolah selepas pemeriksaan awal oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran berkaitan dengan pelupusan sisa pepejal, najis dan air perlimbahan;

4.7.2 Memberi maklumbalas mengenai pembuangan sisa toksid dan punca-punca pencemaran alam sekitar di kawasan gerak kerja; dan

4.7.3 Mengambil bahagian dalam kerja-kerja kawalan dan pencegahan semasa dan selepas bencana alam.

4.8 **Promosi Kesihatan**

4.8.1 Menjalankan aktiviti promosi kesihatan dalam kawasan gerak kerja; dan

4.8.2 Melibatkan diri dan mengambil bahagian di dalam pergerakan masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO).

4.9 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh ketua jabatan.

**5. Hubungan Kerja**

5.1 Dalaman

5.1.1 Anggota di bahagian/ unit yang sama.

5.1.2 Anggota di bahagian lain di dalam organisasi yang sama

5.2 Luaran

5.2.1 Komuniti.

5.2.2 Jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.

5.2.3 Pekerja.

**6. Persekitaran Kerja**

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

**7. Kebolehan Yang Diutamakan**

7.1 Berpengetahuan dalam bidang kesihatan awam iaitu kawalan penyakit berjangkit, kawalan vektor, keselamatan dan kualiti makanan, BAKAS dan KMAM; dan

7.2 Berpengalaman, memahami dan melaksanakan tugas mengikut aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.

**8. Sifat-sifat Yang Bersesuaian Dengan Jawatan**

8.1 Berketerampilan dan berpengetahuan;

8.2 Berkebolehan berkomunikasi dengan baik; dan

8.3 Perwatakan yang baik serta mesra dan boleh bekerjasama.

**9. Ancaman/ Bahaya**

Risiko kepada keselamatan dan kesihatan terhadap jangkitan penyakit.